

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS MAKAN MALAM JALINAN  
MESRA KEPIMPINAN  
ANGKASA DAN IKMA**

**21 DISEMBER 2023 (KHAMIS)**  
**8.00 MALAM**  
**HOTEL DORSETT, PETALING JAYA**

Bismillahirrahmannirrahin  
Assalamulaikum                    Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Perpaduan  
dan Salam Koperasi,

## (Protokol Sapaan)

1. Terlebih dahulu bersyukur kita kehadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah izin-Nya, maka pada malam ini kita semua dapat berkumpul untuk mengukuhan ukhwah dan bertukar pandangan dalam Majlis Makan

## Malam Jalinan Mesra Kepimpinan ANGKASA dan IKMa.

2. Alhamdulillah, ANGKASA amat berbesar hati dengan kesudian anda semua, rakan seperjuangan dari Institut Koperasi Malaysia (IKMa) untuk hadir bersama dengan kami pada malam yang berbahagia ini. Terima

kasih diucapkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat yang telah mengatur pertemuan yang menemukan dua entiti yang mempunyai tanggungjawab amat besar memajukan sektor koperasi di negara ini.

3. Sesungguhnya kehadiran anda semua amat bermakna kerana sokongan berterusan daripada semua pemegang taruh, termasuk salah satu agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pendidikan koperasi iaitu IKMa, adalah penting dalam memacu pembangunan perniagaan koperasi.

## **Para hadirin yang dihormati sekalian.**

4. Saya yakin IKMa cakna tentang Pelan Strategik ANGKASA 2050 atau PESAN50 di mana, kita telah merangka beberapa strategi bagi memantapkan ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi. Dalam jangkamasa 50 tahun, ANGKASA menyasarkan

untuk koperasi yang kita sayangi ini menjadi gaya hidup rakyat di negara ini. Untuk ke arah tersebut, pelbagai langkah dan strategi telah diatur dan diimplementasi secara berterusan.

5. Pelbagai transformasi juga telah dijalankan oleh ANGKASA bersama kerajaan, agensi dan gerakan koperasi

melalui keterlibatan dalam pelbagai sektor ekonomi yang dahulunya amat jarang kita dengar diceburi oleh koperasi. Kita mengambil pendekatan untuk sentiasa beradaptasi dengan situasi ekonomi semasa bagi memastikan gerakan koperasi kekal relevan merentasi zaman.

6. Keadaan ekonomi yang tidak menentu dengan isu kenaikan harga barang asas dan ketidaktentuan mata wang ringgit membelenggu kehidupan masyarakat hari ini. Perkara ini juga menjaskan prestasi gerakan koperasi khususnya yang menjalankan aktiviti perniagaan. Justeru sebagai entiti yang menggerakkan perniagaan

koperasi kita harus mencari jalan bagaimana untuk menjadikan koperasi sebagai platform yang paling berkesan dalam membantu rakyat dalam isu dan cabaran kehidupan rakyat di negara ini.

7. Pelbagai usaha juga telah digerakan oleh ANGKASA dan anak

syarikat dalam mencari solusi kepada cabaran kos sara hidup pada era pasca pandemik COVID-19. ANGKASA dan anak syarikat menggerakkan projek seperti Projek Barang Asas 100 (BA100), Ternakan Lembu Tenusu dan Heifers Park, Pembekalan Barang Kesihatan Berpusat dan lain-lain.

## **Para hadirin yang dihormati sekalian.**

8. Tahun demi tahun, pelbagai inisiatif telah kita jayakan melalui kerjasama dengan semua pihak, baik dalam sektor koperasi maupun pemain industri supaya peranan koperasi dalam sektor keberhasilan utama dapat memberikan impak

semaksimum mungkin dalam rantai perniagaan dan sektor itu sendiri.

9. Gerakan koperasi mempunyai potensi yang tinggi sebagai pemacu ketiga ekonomi negara melalui keterlibatan dalam sektor kritikal negara. ANGKASA merangsang kecemerlangan koperasi dengan

mempelopori dan memperkasa jaringan serta rantaian nilai perniagaan sektor ekonomi koperasi menerusi sektor-sektor peneraju.

10. Kolaborasi dengan semua pihak, seperti ANGKASA dan IKMa amat penting agar matlamat penguasaan rantaian nilai perniagaan oleh koperasi

dapat dicapai. Oleh itu amatlah penting untuk hubungan baik dan kerjasama ini dikekalkan dan diperkuuh supaya kita dapat memastikan gerakan koperasi dapat membina ekosistem rantai nilai perniagaan yang kukuh.

***Para hadirin yang dihormati sekalian.***

11. Sebagai rakan atau *partner* dalam pemerkasaan berterusan gerakan koperasi, ANGKASA akan sentiasa menyokong apa sahaja usaha IKMa dalam menyediakan pendidikan terbaik kepada gerakan koperasi dan memastikan landskap gerakan ini terus berdaya maju dan memberi sumbangan signifikan kepada

anggota, masyarakat dan juga Keluaran Dalam Kasar Negara.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan - rakan saya dari IKMa atas kehadiran pada malam ini yang juga

menunjukkan sokongan kepada usaha kita bersama memajukan landskap perniagaan gerakan koperasi negara.

**Kalau tuan pikat cemara  
Buatlah bara akar selasih  
Sudilah tuan jamu selera  
Hidangan mesra pengikat kasih**

Sekian, terima kasih. WabillahiTaufik  
Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.